

TURKI DIISLAMKAN SEMULA

ALLAHUAKHBAR! ALLAHUAKHBAR!! ALLAHUAKHBAR!!! ALLAH TUHAN YANG MAHA BESAR! ALLAH TUHAN YANG MAHA KUASA!!

Allah Tuhan Yang Maha Mulia!!! Telah berdengung-dengung lagi di menara kemuncak-kemuncak masjid di seluruh negara Turki di seluruh negara yang berkurun-kurun lamanya pada masa yang lalu telah duduk khalifah Islam yang mempunyai kerajaan yang luas takbir daripada azan yang menjadi cogan kemuliaan Islam itu telah dihapuskan di negeri Turki semenjak tahun 1921 oleh kekuasaan Kamal Atartuk dengan pengikut-pengikutnya dan sudah 27 tahun lamanya hilang dengan tidak terdengar maka sekarang dengan jayanya Celâl Bayar ahli siasah Turki yang berjiwa Islam itu menjadi Yang di-Pertua negara Turki dan azan yang daripada bahasa Arab itu telah bergema dengan lantangnyanya di seluruh negara Turki menyeru umat berbalik daripada kesalahan Mereka kepada mengingat Allah dan memperhambakan diri kepadanya kepada Allah Yang Maha Esa dan Maha Berkuasa. Yang demikian Ini telah diriwayatkan oleh majalah "Akhir Saat" yang telah ditulis oleh penulisnya di Istanbul yang meriwayatkan bagaimana dahsyatnya penindasan-penindasan yang dikenakan di atas orang-orang Islam yang begitu kejamnya sekarang mulai terhapus dan mereka mendapat kebebasan yang sepenuhnya.

SESIAPA AZAN ENAM BULAN PENJARA

"Agama Islam agama yang dipegang oleh turun temurun orang-orang Turki itu sekali lagi telah merempuh negara Turki"-
Kata penulis akhir saat peristiwa ini telah menjadi ibarat halilintar yang membelah bumi telah membelah jiwa orang-orang yang memusuhi Islam, orang-orang yang menjadikan Islam seterusnya bahkan orang-orang yang harus telah digunakan menjadi tali barut oleh kuasa-kuasa yang memandang bahawa Islam itu adalah menjadi suatu benteng yang kukuh yang tidak dapat dimasuki oleh kaum-kaumnya yang mensia-siakan Tuhan iaitu faham-faham komunis. Dengan kedudukan negeri Turki yang sekarang dengan keadaannya yang mustahak itu maka tidaklah hairan sekiranya di sana ada mereka yang digunakan kerana masalah yang tersebut untuk melemahkan perasaan-perasaan orang-orang yang kurang pengetahuan dalam perkara agama.


Apabila azan itu telah dibolehkan di negara nyatalah membuangnya maka seseorang guru dari sekolah tinggi di Ankara dengan kerana tidak berpuashatinya telah mendatangkan dakwa



Kanan : Celâl Bayar Yang di-Pertua Negara Turki yang berjiwa Islam.

Kiri : Ismet İnönü bekas Yang di-Pertua yang telah rugi segala-galanya.

kepada kerajaan kerana langkah-langkahnya menggalakkan Turki beragama semula itu. Perkara ini akan dibicarakan oleh kerajaan pada suatu masa kelak.



Orang-orang Islam Turki sedang mengangkat wudhuk dalam kawasan "Masjid Al-Sulaimaniyyah" sebesar-besar masjid di Istanbul.

* * * * *

Langkah kerajaan yang baik ini telah didahului oleh beberapa langkah yang telah meninggalkan kesan-kesan yang sangat besar artinya kepada umat yang telah didatangkan paksa atasnya. Langkah yang pertama telah terserlah tatkala "Celâl Bayar" (Ketua Parti Demokrat pada masa itu dan Yang di-Pertua bagi kerajaan Turki sekarang) tatkala ia menjadi calon dahulu telah mengisytiharkan bahawa ia akan mengembalikan agama Islam ke Turki sekali lagi dan akan meluaskan supaya lafaz azan (bang) yang diucapkan dalam bahasa Arab dari kemuncak seluruh menara di Turki berkurun-kurun lamanya itu telah diganti dengan bahasa Turki semenjak tahun 1924 supaya digunakan semula.

Isytihar Celâl Bayar ini telah menjadi ibarat sebutir atom bom yang telah memecah yang menggegarkan negara Turki kerana kerajaan-kerajaan yang silih berganti semenjak Kamal Atartuk membawa kepada Ismet İnönü telah berpendapatan bahawa kembalinya agama Islam ke negeri Turki bermakna mengembalikan semula Turki undur ke belakang lagi. Sementelah pula sebelum daripada masa itu telah diperundang-undangkan bahawa barangsiapa mengerjakan azan (bang) dalam bahasa Arab maka balasannya ialah enam

bulan penjara kerja berat.

Oleh kerana kongkongan yang sedemikian hebatnya, oleh kerana paksaan yang dilakukan ke atas mereka yang dizahirkan oleh ibunya bebas merdeka itu terpendam sebegitu lama dikongkong oleh pagar besi maka apabila Celâl Bayar mengisytiharkan dasar yang tersebut maka semangat yang terpendam itu telah menyala semula. Perasaan agama telah timbul semula yang menjadikan ia telah mendapat sepenuh-penuh sokongan daripada segenap peringkat rakyat jelata dan dengan kerana yang demikian itu Parti Demokrat yang diketuai oleh Celâl Bayar di dalam pilihan raya telah dapat suatu kemenangan yang bergemilang dengan menduduki 90 peratus kerusi di Majlis Mesyuarat Orang Ramai Turki.


Sesudah mendapat kejayaan pertama-pertama rancangan yang dibawa kepadanya orang ramai Turki Jemaah Menteri Parti Demokrat itu ialah "undang-undang mengembalikan semula azan (bang) dengan bahasa Arab" apabila rancangan-rancangan itu diluluskan sahaja oleh majlis mesyuarat yang tersebut maka sekalian pegawai-pegawai masjid di Turki telah bermuafakat dan telah mendapat persetujuan yang dengannya pada keesokan harinya,

pada subuh-subuh lagi apabila fajar menyingsing maka suara azan dilancarkan dengan gegak gempita bunyinya serentak dari semua menara-menara masjid pertama-pertama kalinya semenjak 27 tahun dahulu.

Kira-kira sebulan setengah kemudian sesudah azan itu diperdengarkan semula maka majlis orang ramai Turki telah meluluskan suatu undang-undang baharu yang menghendaki “pelajaran agama Islam diajarkan semula di dalam semua sekolah-sekolah permulaan”. Tidak berapa lama antaranya kerajaan telah meminta majlis orang ramai meluluskan suatu rang perbelanjaan tambahan bagi membuka 100 buah sekolah baharu bagi pelajaran Al-Quran. Dengan kejadian itulah meletup pula suatu peristiwa yang menggemparkan terutamanya daripada pihak-pihak pembenci Islam.

Anjuran yang berjiwa Islam ini lebih hebat kesannya terutamanya tatkala dilihat seseorang guru daripada Sekolah Tinggi Ankara telah mendatangkan dakwa atas kerajaan di hadapan mahkamah keadilan kerana langkahnya meluluskan pelajaran agama di sekolah-sekolah permulaan itu.

“Kerajaan telah berleluasa dan mencampurkan dirinya dalam perkara yang mengenai kebebasan diri seseorang!” – Katanya yang menunjukkan bahawa zahir daripada fahamnya itu



Angkatan baharu Turki sedang mengerjakan sembahyang dengan tawaduk dan khusyuk.

nampak dengan terang bahawa beragama itu seolah-olahnya tidak boleh dicampuri oleh sesuatu kerajaan. Guru besar yang mendatangkan tuntutan yang ganjil ini ialah Profesor “Nuri Yoland Asan” yang sememangnya terkenal orang yang berfaham kiri (tidak disebutkan kirinya itu orang yang berfaham komunis yang bencikan agama itu).

Oleh kerana faham-faham komunis telah memuncak masuk dengan hebatnya terutamanya dalam lingkungan penuntut-penuntut di sekolah-sekolah Tinggi dan kaum pekerja (buruh) dan telah diketahui pula bahawa sejumlah tali barut-tali barut komunis telah menyorok-yorok masuk dari Russia ke Istanbul, Ankara, Marsan, Izmir, Adnah dan lain-lain bandar yang besar yang diduduki oleh sebahagian besar orang asing maka kerajaan Celâl Bayar lebih-lebih pula membesarkan banyaknya perkara-perkara tersebut kepada Amerika dengan tujuan hendak mendapat wang bantuan daripada rancangan-rancangan Marshal (rancangan Marshal ini itulah bantuan kerajaan Amerika kepada negeri-negeri di Eropah – P). Sebenarnya Turki telah berjaya dan telah mendapat wang bantuan lebih banyak daripada yang didapati oleh kerajaan Greek.

-----*-----*-----

Salah seorang daripada penganjur-penganjur Turki yang bersungguh-sungguh bekerja menegakkan Islam di Turki ialah Perdana Menterinya yang ada sekarang Adnan Menderes. Di dalam salah satu ucapan-ucapannya Adnan Menderes telah berkata: “ Turki ialah sebuah negara Islam dan dengan demikian telah sewajibnya negara itu sifatnya demikian!”

Oleh kerana langkah kerajaan tidak begitu cergas dan cepat sebagaimana yang dituntut oleh rakyat jelata yang semangat Islamnya sedang mendidih itu maka dengan serta merta sebuah pertubuhan Islam yang sangat cergas dan berpengaruh telah terdiri di Turki hari ini. Pertubuhan ini bernama “Hizbul Al-Millah”. Pertubuhan ini telah dibentuk oleh “Fauzi Chamakh” bekas ketua agung tentera Turki dan dipimpin oleh “Hikmat Bayur”. Yang peliknya dalam

pertubuhan ini ialah “Hikmat Bayur”

ini menjadi Setiausaha Sulit kepada

Kamal Atartuk dahulu – pada hal

Kamal Atartuk itulah yang telah

menghapuskan agama Islam di Turki.

(Kamal Atartuk juga yang telah

memaksa bangsanya melontarkan tiap-tiap perkara

yang berbau Timur. Ia menghendaki segala-galanya

berbau Barat – tulisan-tulisan, pakaian dan

adat istiadat semuanya Barat belaka.

Sekalipun ia dipandang orang yang berjasa

dan berjaya tetapi kejayaannya itu

tidak ada maknanya bila difikirkan dengan

perbuatannya meleburkan kebudayaan bangsa

yang dipimpinnya sendiri. Sedang kebudayaan

itu menjadi jiwa bagi suatu bangsa. Umat Jepun

telah berjaya mencapai setinggi-tinggi kemajuan dengan tidak

payah mengorbankan sesuatu pusakanya tetapi apabila ia meluaskan

kekuasaannya dan melakukan paksaan maka dengan sendirinya

telah runtuh. Alangkah ruginya umat Turki? Tetapi telah

menjadi undang-undang bahwasanya tiap-tiap perkara yang salah

itu akan lebur dan kesalahan penganjur-penganjur Turki yang lalu

itu telah mulai diperbaiki sekarang – P)

Pertubuhan Islam yang tersebut banyak mempunyai cawangan-cawangannya

di seluruh negara Turki dan mereka sedang bekerja keras

melancarkan cita-cita Islam yang suci itu. “Islam

Nuru” atau Nur Islam itu ialah sebuah akhbar yang sangat

besar pengaruhnya di negeri Turki yang menjadi lidah rasmi

mereka. Pada masa ini tempat-tempat cetakan Turki sedang

sibuk bekerja mengecap cogan-cogan Islam seperti :

“Lailahaillallah” – “Masya-Allah kana” “Tawakkal ala Allah”

dan lain-lainnya bagai digantung oleh orang ramai pada segenap

tempat sehingga penjual-penjual sayur dan buah-buahan tidak sunyi

dari menjadikan kalimah-kalimah itu perhiasan di kedainya. Perhentian-perhentian



*Al-Malik Faisal (Iraq) sedang mengadap meja santapan
dalam masa persinggahannya di Iskandariah*

radio Ankara dan Istanbul tidak putus-putusnya menyebarkan

bacaan Al-Quran Al-Karim pada tiap-tiap hari, dan khatib-khatib

pada tiap-tiap Jumaat tidak hali berdoa atas kejayaan umat

Islam mengutuk mereka yang cuba mengancam dan menghalanginya.

Pendek kata suara-suara bacaan Al-Quran yang dahulunya tidak

tersiar telah mempengaruhi jiwa-jiwa mereka yang sememangnya dahaga

kepada roh-roh Islam setelah 27 tahun lamanya mereka tidak

dibenarkan menggunakan dan mendengar azan.

-----*-----*-----

Apabila engkau lihat ada pada saudaramu tiga perkara

maka bolehlah engkau harap akan dia iaitu malu, amanah

dan benar; dan apabila engkau tidak lihat ada perkara-perkara itu

kepadanya maka janganlah engkau berharap kepadanya – Hadis

-----*-----*-----

Apabila seorang daripada kamu ziarah saudaranya lalu duduk

di sisinya maka janganlah ia bangun sebelum meminta izin

daripadanya - Hadis.